

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 23 APRIL 2012, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 2

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1251-L14538
Tuan Ahmad bin Hussin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
 - (a) apakah faedah-faedah yang akan dinikmati oleh peneroka dan kakitangan FELDA sempena penyenaian FELDA Global Ventures Holdings (FGVH) di Bursa Malaysia; dan
 - (b) apakah risiko-risiko yang akan dihadapi oleh FGVH setelah disenaraikan kelak.
2. PN-1251-L14321
Tuan Lihan Jok minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada penduduk Malaysia yang sepatutnya menerima Bantuan rakyat 1Malaysia (BR1M) berpeluang untuk memohon untuk kali yang kedua sekiranya gagal pada permohonan yang pertama. Nyatakan bagaimana cara permohonan kedua ini dibuat.
3. PN-1251-L14272
Puan Hajah Noriah binti Mahat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah konsep wasatiyyah diserap dan dilaksanakan dalam visi dan misi kita ke arah negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020 dan menjadikan kita sebagai *role model* atau negara contoh kepada negara lain di seluruh dunia.
4. PN-1251-L14725
Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah sistem yang telah dilaksanakan bagi mengatasi kadar jenayah di negara ini. Apakah langkah-langkah Kementerian dalam mengatasi isu ini.

5. PN-1251-L14156
Datuk Chiu Tiang Chai minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan hala tuju PROTON sebagai peneraju industri automotif tempatan selepas pengambilalihan oleh DRB HICOM dalam membangunkan model bermutu tinggi serta diterima di peringkat pasaran antarabangsa.
6. PN-1251-L14233
Dato' Zaitun binti Mat minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk melatih warga tempatan menjadi pembantu rumah bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pembantu rumah asing khususnya dari Indonesia.
7. PN-1251-L14468
Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pencapaian 1MDB setakat ini dalam membawa hala tuju pembangunan ekonomi negara ke arah mencapai matlamat pembangunan sebuah negara maju berpendapatan tinggi.
8. PN-1251-L14649
Dato' Boon Som a/l Inong minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bilakah kadar liputan telefon bimbit serta internet di negara ini akan mencapai tahap 100 peratus memandangkan masih ada kawasan tertentu terutama di luar bandar yang masih sukar dihubungi menerusi telefon bimbit serta sukar untuk mengakses maklumat menerusi internet. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah berkenaan.
9. PN-1251-L14632
Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian dalam memantau perkembangan gejala sosial di kalangan belia, terutama di kawasan-kawasan Program Perumahan Rakyat (PRT).
10. PN-1251-L14115
Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai tahap kejayaan TERAJU semenjak ianya ditubuhkan dan berapakah syarikat Bumiputera yang mendapat manfaat daripadanya.
11. PN-1251-L13905
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan bilakah masalah air bersih akan selesai sepenuhnya di seluruh negara. Apakah usaha terbaru Kementerian untuk menangani masalah air bersih di sesetengah negeri seperti Kelantan, Terengganu, dan Perlis yang agak membimbangkan terutama apabila berlaku musim kemarau yang panjang.

12. PN-1251-L14696
Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapakah UDA Holdings lebih gemar menjual plot tanah di kawasan-kawasan strategik yang mempunyai nilai yang tinggi berbanding dengan membangunkan tanah-tanah tersebut sebagaimana asas penubuhannya suatu masa dulu dan kemudiannya mendapat pulangan dalam bentuk perolehan secara berkala serta apakah perancangan terkini UDA Holdings untuk membangunkan 8 hektar tanah bekas Penjara Pudu.
13. PN-1251-L14591
Dato' Dr. Yeow Chai Thiam minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan isi kandungan cadangan gaji minimum oleh Kementerian dan bagaimanakah ia akan dilaksanakan.
14. PN-1251-L13954
Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dan pihak MIDA sendiri dalam usaha menarik lebih ramai pelabur asing bertaraf antarabangsa untuk melabur di Labuan.
15. PN-1251-L14361
Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sekiranya Kementerian bermaksud untuk meluaskan pemasyarakatan (melebar luaskan penyibaran gagasan) MBMMBI agar diketahui, difahami dan dihayati oleh anggota masyarakat yang lebih luas dan tidak terbatas kepada warga Kementerian Pelajaran sahaja. Setakat ini persepsi umum ialah seakan-akan MBMMBI itu hanyalah tanggungjawab Kementerian Pelajaran sahaja dan bukannya merupakan satu agenda nasional.
16. PN-1251-L14182
Puan Norliza binti Abdul Rahim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kementerian dapat membantu syarikat-syarikat pengangkutan (bas) untuk mengatasi masalah kerugian dan kekurangan bilangan pengangkutan awam (bas).
17. PN-1251-L14036
Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bilangan permohonan yang diluluskan berbanding yang diterima untuk insentif industri utama dan sokongan bagi peralatan dan produk sektor halal di dalam dan luar negara yang telah dikendalikan oleh Kementerian sejak RMK-10 dan nilainya kepada ekonomi negara.
18. PN-1251-L14071
Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian mempertimbangkan untuk menaik taraf dan meningkatkan fungsi Klinik 1Malaysia.

19. PN-1251-L14105
Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah terdapat sebarang inisiatif dari pihak Kementerian dalam mewujudkan pusat jagaan kanak-kanak secara percuma atau pembayaran pada kadar minimum bagi membantu golongan berpendapatan rendah meninggalkan anak-anak mereka dan berpeluang mencari pendapatan tambahan.
20. PN-1251-L13944
Datuk Chin Su Phin minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perkembangan terbaru kerja-kerja penambahbaikan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sabah, bilakah ia akan siap sepenuhnya dan akan mula beroperasi dan bilakah penerbangan tambang murah AirAsia akan mula berpindah ke Terminal 1.
21. PN-1251-L13993
Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah penubuhan Koperasi Usahawan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berupaya membela nasib dan meningkatkan pendapatan peniaga pasar tani di seluruh negara.
22. PN-1251-L14126
Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah sungai yang telah berjaya dipulihkan melalui Program Satu Negeri Satu Sungai semenjak ia dilancarkan dan berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk tujuan ini.
23. PN-1251-L13895
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan status Pusat Transformasi Luar Bandar (*Rural Transformation Centre*) dari segi berapa buah yang telah dibina dan beroperasi. Berapa lagi yang diluluskan di dalam RMK-10 untuk dibina dan di mana. Apakah kriteria pemilihan sesebuah kawasan yang dipilih untuk dibina RTC.
24. PN-1251-L14395
Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan statistik terkini mengenai kegiatan penyeludupan petrol/diesel haram ke negara jiran dan jumlah petrol/diesel yang telah dijual oleh stesen-stesen petrol yang menghampiri kawasan negara jiran.
25. PN-1251-L13926
Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan yang telah diambil terhadap aduan MTUC yang membantah penubuhan kesatuan sekerja peringkat dalaman di Malayan Banking Berhad (Maybank) sedangkan Persatuan Pekerja Bank (NUBE) sudah wujud sejak 50 tahun lalu.

26. PN-1251-L14116
Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah terkini syarikat Bumiputera yang berdaftar dalam program teras yang diterajui oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU).
27. PN-1251-L14061
Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan agensi mana yang akan bertanggungjawab untuk menguruskan projek perumahan yang terbengkalai setelah SPNB mengumumkan bahawa mereka tidak lagi terlibat dengan urusan menyelamatkan projek perumahan yang terbengkalai.
28. PN-1251-L14046
Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional menjadikan semua jawatan pegawai penyelidik di Parlimen Malaysia dilantik secara kontrak dan adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikannya jawatan tetap sejajar dengan usia Parlimen 50 tahun demi meningkatkan mutu penyelidikan Parlimen di peringkat tempatan dan antarabangsa serta menjaga kebajikan kakitangan di Parlimen.
29. PN-1251-L14320
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejak kebelakangan ini, ada beberapa parti baru telah diluluskan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM). Apakah kriteria dan langkah-langkah mengawal dalam meluluskan permohonan pertubuhan parti politik yang baru.
30. PN-1251-L14436
Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah konkrit yang telah diambil atau dirancang untuk menangani persepsi rakyat akan kelemahan dan ketidakupayaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam memerangi korupsi dan penyelewengan di negara ini.
31. PN-1251-L14131
Dr. Syed Husin Ali minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan dasar Kerajaan terhadap Israel dalam bidang perdagangan, jumlah import dan eksport dengan Israel dan melalui negara atau syarikat antarabangsa mana perdagangan itu dilakukan.
32. PN-1251-L13983
Datuk Chin Su Phin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah dividen KWSP tidak boleh memberikan pulangan yang lebih tinggi berbanding dividen yang diberikan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).
33. PN-1251-L14672
Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang prosedur dan kriteria pelantikan ahli-ahli di dalam Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan bidang kuasa yang diperuntukkan kepada ahli-ahli MAIWP dalam membuat keputusan menasihati Yang Di-Pertuan Agong dalam hal-hal yang berkaitan pentadbiran agama di Wilayah Persekutuan.

34. PN-1251-L14449
Dato' Jaspal Singh minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan penuntut baru yang memasuki IPTA mengikut bangsa termasuk pelajar-pelajar daripada luar negara. Apakah kriteria yang digunakan untuk pengambilan pelajar-pelajar dari luar negara dan agensi manakah yang meneliti permohonan daripada pelajar-pelajar luar negara.
35. PN-1251-L14303
Tuan Lee Cheam Choon minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jika Kementerian sedang mempertimbangkan untuk mengizinkan mercun digunakan khas untuk hari perayaan sahaja seperti Tahun Baru Cina dan juga risikonya jika pengharaman permainan mercun ini dibatalkan.
36. PN-1251-L14578
Dato' Dr. Yeow Chai Thiam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sistem baru Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) iaitu sistem modula bagi menggantikan Sistem Terminal bermula pengambilan Tingkatan Enam Rendah sesi pengajian Mei 2012.
37. PN-1251-L14030
Dato' Ng Fook Heng minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan rakyat negara-negara manakah yang terbanyak melancong ke negara kita selain daripada Singapura. Berapakah jumlah pendapatan yang dijanakan oleh industri pelancongan.
38. PN-1251-L14446
Dato' Jaspal Singh minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah pelajar India yang telah memohon bagi memasuki kolej matrikulasi bagi tahun 2012. Selaras dengan pengumuman YAB. Perdana Menteri pada 26 Februari 2012 mengenai meningkatkan tawaran matrikulasi kaum India ke 1,559, adakah permohonan baru dilaksanakan untuk memastikan mereka yang tertinggal memohon.
39. PN-1251-L14308
Tuan Chiew Lian Keng minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan mengapa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia membeli software MSIS 2.5 iaitu "Microsoft Innovation Suite 2.5" yang "*published price*" berharga USD3 dengan harga RM70 di bawah Skim Komputer Riba 1Malaysia.
40. PN-1251-L14190
Dr. S. Ramkrishnan minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
- (a) bilakah pembinaan enam sekolah Tamil baru yang diumumkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini akan dimulakan; dan
 - (b) apakah perkembangan terkini mengenai enam sekolah Tamil berkenaan dan adakah pembinaannya sudah dimulakan.

41. PN-1251-L14180
Datuk Chiw Tiang Chai minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan serta bentuk hukuman yang boleh dikenakan kepada farmasi yang secara sengaja atau tidak sengaja memberi ubat yang tidak menepati spesifikasi pesakit yang mengakibatkan pesakit mengalami kemudaratan yang teruk.
42. PN-1251-L14410
Datuk Paul Kong Sing Chu minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kesalahan Hamza Kashgari di bawah undang-undang Malaysia ataupun Undang-undang Arab Saudi dan apakah jenayah tertentu yang beliau dilakukan.
43. PN-1251-L14206
Tuan Pau Chiong Ung minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
- (a) mengapakah pihak Kementerian masih tidak mahu menerima anak-anak kelahiran Malaysia yang kewarganegaraan mereka di dalam status 'Belum Ditetentukan' memasuki alam persekolahan; dan
 - (b) berapakah jumlah murid-murid ini yang telah lewat mendaftar untuk kemasukan ke Tahun 1 tetapi tidak memasuki alam persekolahan khususnya bagi negeri Sarawak.
44. PN-1251-L14447
Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berhubung dengan masalah, kos dan tarikh menyiapkan baik pulih cerun runtuh di Maktab Rendah Sains MARA Bentong, Pahang yang berlaku pada 6 Disember 2009 dan bilakah ia akan dibuka semula.
45. PN-1251-L14349
Tuan Lee Cheam Choon minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan data-data jumlah penggunaan air di setiap negeri semenjak tahun 2000 sehingga 2010. Untuk negeri yang menggunakan banyak air dari segi penggunaan per kapita, apakah langkah-langkah yang akan/sedang dirancang supaya pengguna per kapita ini diturunkan di negeri-negeri tersebut.
46. PN-1251-L14004
Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja asing yang telah didaftarkan di bawah Program 6P. Nyatakan juga negara asal mereka, sektor pekerjaan yang diceburi, serta status mereka ini selepas didaftarkan.

47. PN-1251-L14378
Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa AirAsia telah menukar fokus dan HQ perniagaan penerbangan dipindah dari Kuala Lumpur ke Jakarta. Adakah Jakarta akan menggantikan Kuala Lumpur sebagai hub penerbangan (*air traffic hub*) bagi AirAsia di masa depan.
48. PN-1251-L14715
Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang dirangka oleh pihak Kerajaan untuk menangani isu penyeludupan yang memberi ancaman serius dan boleh membawa kerugian kepada pendapatan negara.
49. PN-1251-L14522
Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan semenjak Kementerian menerima kelayakan Unified Examination Certificate (UEC) untuk memohon latihan perguruan, nyatakan bilangan pemohon dan yang berjaya. Apakah usaha-usaha Kementerian untuk menggalakkan pemohon-pemohon yang berkelayakan UEC.
50. PN-1251-L14282
Puan Hajah Noriah binti Mahat minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kejayaan keseluruhan Program 1Azam setakat ini.
51. PN-1251-L14229
Datuk Majid bin Mahap minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan strategik Kementerian terhadap MAS yang sentiasa mengalami kerugian sejak dahulu di mana kerugian yang terbaru ialah sebanyak RM25.2 bilion.
52. PN-1251-L14257
Datuk Haji Saat bin Haji Abu minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-
- (a) pertimbangan supaya Penduduk Tetap (PR) yang telah menduduki negara ini yang melebihi 21 tahun agar diberi taraf warganegara secara automatik, dengan tidak perlu memohon; dan
 - (b) berapakah jumlah Penduduk Tetap yang telah menduduki negara ini, melebihi 21 tahun yang masih bertaraf PR dan pecahan mengiku kaum.
53. PN-1251-L14197
Dato' Azian bin Osman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan kakitangan Lembaga Tabung Haji yang telah diambil tindakan kerana melangkaui giliran mengerjakan ibadah haji atau "*Haji Ekspres*" serta nyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini.

54. PN-1251-L14228
Dato' Zaitun binti Mat minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan langkah-langkah untuk memantap dan meningkatkan keberkesanan fungsi Kumpulan Rakan Pengguna yang ditubuhkan Kementerian bagi memantau harga barangan dan perkhidmatan serta nyatakan langkah penjenamaan semula Skwad Pengguna.
55. PN-1251-L13994
Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peminjam Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) sehingga 31 Disember 2011 dan nyatakan sasaran pinjaman yang akan dikeluarkan serta bilangan usahawan wanita yang berpendapatan RM3,500 sebulan yang dijangka akan dapat dilatih dan dilahirkan.
56. PN-1251-L14636
Dato' Boon Som a/l Inong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah surat pekeliling rasmi Kerajaan bagi menjelaskan mengenai status kedudukan masyarakat Siam sebagai Bumiputera seperti dinyatakan Perdana Menteri dalam perjumpaan dengan 20,000 orang masyarakat Siam di Pendang, Kedah pada 25 Februari 2012 lalu, sudah dikeluarkan kepada semua pihak berkaitan, terutama jabatan dan agensi Kerajaan. Adakah Kerajaan bercadang untuk memasukkan istilah kaum Siam di bawah kategori Bumiputera dalam semua sistem pangkalan data Kerajaan seperti Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) dan lain-lain yang berkaitan.
57. PN-1251-L14099
Dato' Nalla K. S. minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan usaha-usaha Kementerian bagi menggunakan bahan buangan sawit untuk menjana pendapatan selaras dengan prinsip '*waste to wealth*' dan usaha Kementerian dalam mempromosikan produk-produk Biomass dari kelapa sawit ke luar negara.
58. PN-1251-L14528
Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan persara Kerajaan yang terkini mendapat saraan kurang daripada RM1500 sebulan dan adakah Kerajaan bercadang untuk memberi kenaikan kepada pesara-pesara tersebut.
59. PN-1251-L14015
Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan butiran tentang Pelaburan Langsung Asing (FDI) dan domestik bagi tahun 2011. Sejauh mana tindakan Kerajaan bagi mempelbagaikan bidang berpotensi dan menarik pelaburan dari negara-negara asing selain sedia ada seperti Jepun.
60. PN-1251-L14560
Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penerima BR1M yang terkini menurut pecahan negeri, suku-kaum, umur dan jantina. Apakah impaknya kepada kedudukan kewangan negara serta bilangan permohonan yang ditolak dan sebab-sebab penolakannya.

61. PN-1251-L14158
Dr. S. Ramakrishnan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
- (a) adakah kira-kira 200,000 nama pengundi berdaftar yang mencurigakan dibersihkan selepas semakan audit dibuat oleh Institut Sistem Mikroelektrik Malaysia (MIMOS); dan
 - (b) adakah pembersihan dibuat seperti yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas (PSC) dan apakah penambahbaikan yang telah dilakukan ke atas kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti oleh MIMOS.
62. PN-1251-L14141
Dr. Syed Husin Ali minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menggunakan cara 'jawatankuasa carian' bagi menentukan pemilihan Naib Canselor dan adakah wakil-wakil Senat Universiti dijadikan salah satu elemen dalam jawatankuasa ini untuk menjamin autonomi kepada semua IPTA.
63. PN-1251-L14160
Puan Norliza binti Abdul Rahim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah yang diperuntukkan kepada EKUINAS untuk pembelian syarikat-syarikat dan namakan syarikat-syarikat tersebut.
64. PN-1251-L14676
Dato' Muhammad Olian bin Abdullah minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa terdapat banyak koperasi yang menjalankan urusan pinjaman kewangan yang sering mengenakan caj keahlian walaupun telah tamat tempoh bayaran dan apabila peminjam sedar akan pemotongan caj keahlian selagi itu caj tersebut dikenakan dan hanya membuat bayaran balik setelah hampir 6 bulan. Apakah tindakan Kerajaan dalam membantu rakyat dan peminjam agar mereka tidak tertipu dengan uruscara ini.
65. PN-1251-L14261
Datuk Majjol bin Mahap minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah kadar penembusan jalur lebar di setiap negeri di negara ini, dan apakah kadar penembusan yang diharapkan menjelang tahun 2020.
66. PN-1251-L14230
Dato' Zaitun binti Mat minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kanak-kanak dan perempuan yang dilaporkan hilang oleh ibu bapa bagi tahun 2011 dan nyatakan kategori usia serta bilangan yang telah ditemui semula serta nyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi membendung gejala ini.
67. PN-1251-L14512
Tuan Khoo Soo Seang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan ulasan mengenai pencapaian Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dalam usaha mencapai sasaran pendapatan kasar kebangsaan (*gross national income*), per kapita sebanyak RM48,000 setahun sehingga tahun 2020.

68. PN-1251-L14377
Datuk Paul Kong Sing Chu minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sebab mengapa hutang Kementerian sebanyak RM 26 juta kepada MUHIBBAH dan LTAT tak dijelaskan hingga didakwa ke mahkamah dan apakah yang diperolehi dengan jumlah wang ini.
69. PN-1251-L14034
Dato' Ng Fook Heng minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada kenaikan gaji kakitangan Kerajaan dapat meningkatkan produktiviti jabatan Kerajaan. Adakah kenaikan ini '*take for granted*' dan ia tidak memberi apa-apa penambahbaikan kepada orang awam.
70. PN-1251-L13915
Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan lokasi panas di seluruh kawasan sempadan Malaysia dan Thailand dan apakah tindakan Kerajaan bagi mencegah aktiviti penyeludupan dadah, senjata api dan barangan kawalan.
71. PN-1251-L14297
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Kerajaan banyak menyalurkan peruntukan dan kemudahan bagi masyarakat India di negara ini. Siapakah etnik-etnik yang terletak di bawah kuota India dan adakah masyarakat India Muslim adalah salah satu daripadanya, jika ya, berapakah peratusan mengikut keseluruhan masyarakat India.
72. PN-1251-L14412
Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan kekeliruan dan salah faham mengenai Dasar 1Care, kerana isu ini digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mengelirukan rakyat.
73. PN-1251-L14662
Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg minta **PERDANA MENTERI** menyatakan faktor-faktor sistem penyampaian infrastruktur yang masih terkebelakang dan kos mengurus perniagaan yang tinggi, didapati menyukarkan usahawan Bumiputera di Sarawak dalam merebut dan menjalankan peluang-peluang perniagaan yang disediakan oleh Kerajaan, khususnya bantuan melalui TERAJU. Apakah pendekatan Kerajaan dalam perkara ini agar objektif TERAJU dapat direalisasikan sepenuhnya.
74. PN-1251-L14562
Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah kutipan iklan oleh ASTRO dari 2009-2011. Apakah ASTRO juga akan menyiarkan iklan melalui TV satelit, NJOI, dan bilakah ia akan mula beroperasi.
75. PN-1251-L14614
Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan Kementerian di dalam memastikan bidang-bidang pengajian yang disediakan oleh IPTA/IPTS berdaya saing selepas tamat pengajian dan sekaligus mengurangkan isu-isu pengangguran.

76. PN-1251-L14247

Tuan Pau Chiong Ung minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a) selepas pemansuhan sistem penggajian kakitangan dan pegawai awam Kerajaan lama iaitu SBPA dan diganti dengan SSM, kakitangan dan pegawai Kerajaan menikmati peningkatan gaji sebanyak 7-13 peratus. Adakah prestasi kakitangan dan pegawai turut ditingkatkan selepas peningkatan gaji tersebut; dan
- (b) adakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian ke atas mereka yang tidak berprestasi baik dan apakah langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menteri Dalam Negeri** akan mencadangkan:-

“ Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu. “

2. **Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang** akan mencadangkan:-

“ Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti yang dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“ Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Kedua Belas.”

- | | | | |
|----|----------------|--|-----------------------------------|
| 3. | (D.R. 3/2012) | Rang Undang-undang Perbekalan
Tambahan (2011) 2012 | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| | | [Kementerian Kewangan] | |
| 4. | (D.R. 44/2011) | Rang Undang-undang Pembayaran dan
Adjudikasi Industri Pembinaan 2011 | “ |
| | | [Kementerian Kerja Raya] | |
| 5. | (D.R. 1/2012) | Rang Undang-undang Pengantaraan 2012 | “ |
| | | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |
| 6. | (D.R. 2/2012) | Rang Undang-undang Institut Penyelidikan
Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2012 | “ |
| | | [Menteri Pengangkutan] | |
| 7. | (D.R. 6/2012) | Rang Undang-undang Laporan Kewangan
(Pindaan) 2012 | “ |
| | | [Kementerian Kewangan] | |

- | | | | |
|-----|----------------|--|-------------------------------|
| 8. | (D.R. 5/2012) | Rang Undang-undang Syarikat Labuan (Pindaan) 2012 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Kementerian Kewangan] | |
| 9. | (D.R. 7/2012) | Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2012 | “ |
| | | [Kementerian Kewangan] | |
| 10. | (D.R. 15/2012) | Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2012 | “ |
| | | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |
| 11. | (D.R. 18/2012) | Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2012 | “ |
| | | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |
| 12. | (D.R. 17/2012) | Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No.2) 2012 | “ |
| | | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |
| 13. | (D.R. 16/2012) | Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) (No.2) 2012 | “ |
| | | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |
| 14. | (D.R. 13/2012) | Rang Undang-undang Laut Wilayah (Pindaan) 2012 | “ |
| | | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |
| 15. | (D.R. 20/2012) | Rang Undang-undang Rukun Tetangga 2012 | “ |
| | | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |
| 16. | (D.R. 21/2012) | Rang Undang-undang Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 | “ |
| | | [Kementerian Dalam Negeri] | |
| 17. | (D.R. 4/2012) | Rang Undang-undang Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2012 | “ |
| | | [Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | |

18. (D.R. 11/2012) Rang Undang-undang Jasa Perkasa Persekutuan (Elaun Kenangan) 2012 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
19. (D.R. 12/2012) Rang Undang-undang Pingat Tentera Udara (Elaun Kenangan) 2012 “
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
20. (D.R. 8/2012) Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2012 “
[Kementerian Pengajian Tinggi]
21. (D.R. 9/2012) Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2012 “
[Kementerian Pengajian Tinggi]
22. (D.R. 10/2012) Rang Undang-undang Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan) 2012 “
[Kementerian Pengajian Tinggi]
23. (D.R. 14/2012) Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2012 “
[Kementerian Kewangan]
24. (D.R. 23/2012) Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 2012 “
[Kementerian Dalam Negeri]

25. **PN-1251-U13929**

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum tentang kecekapan sistem pengangkutan awam yang merupakan sebahagian daripada kelestarian dan keharmonian mana-mana sempadan di dunia. Kecekapan berkenaan perlu diwujudkan selari dengan pertambahan penduduk yang begitu cepat. Ini menyebabkan bandaraya-bandaraya besar termasuk Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru dan lain-lain sentiasa dilanda kesesakan lalu lintas yang mendesak. Kadangkala, untuk sampai ke destinasi yang berada di sekitar 5km sahaja akan mengambil masa yang agak lama. Ini merugikan masa, tenaga, minyak petrol dan keharmonian di kalangan pengguna pengangkutan awam. Dewan juga sedia maklum bahawa kereta persendirian juga masih banyak digunakan biarpun berlaku penurunan tetapi ternyata masih tinggi iaitu 34% (1985) turun kepada 20% (1997) dan 10-12% (2008).

Namun, penurunan penggunaan kereta persendirian akibat sistem pengangkutan awam yang telah ditambah baik melalui pengenalan pengangkutan rel transit seperti Komuter, LRT, STAR dan bas rapid yang semakin banyak (tersusun) bukan bermakna rakyat berpuas hati dengan apa yang terhidang di hadapan mata mereka. Justeru, Dewan ini diseru supaya pihak Kerajaan mempercepatkan transformasi terhadap sistem pengangkutan darat selari dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD). Kerajaan juga diseru untuk mengurangkan kesesakan di kawasan-kawasan perniagaan; mempertingkatkan jumlah bas berhenti-henti di samping monorel yang lebih teratur dengan pelaksanaan piawai perkhidmatan yang lebih canggih dan bersistematik. Kerajaan juga perlu mengambil kira projek-projek infrastruktur yang memungkinkan integrasi stesen dan kemudahan-kemudahan "park and ride" yang lebih lestari dan teratur seperti yang sedang dilakukan di Putrajaya."

(Menteri Di Jabatan Perdana Menteri)

26. PN-1251-U13942

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini sedia maklum tentang Kerajaan Indonesia yang telah bermain tarik tali di dalam isu pembantu rumah (amah). Ketika mengadakan perbincangan di antara Kerajaan, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk menyelesaikan masalah ini sebaik mungkin. Namun, secara tiba-tiba pula, Kerajaan Indonesia mengumumkan untuk menghantar rakyat mereka yang terlatih sebagai amah untuk bekerja di dalam satu bidang kerja sahaja dengan gaji RM700 sebulan. Bayangkan apa akan jadi kepada keluarga yang bekerja yang tidak tentu masa, sudah tentu merumitkan mereka untuk membersihkan pakaian, menyediakan makan minum untuk keluarga dan untuk membersihkan/mengemas rumah. Kita faham bahawa pembantu rumah atau amah diperlukan untuk membantu keluarga menjaga anak-anak mereka yang bekerja/keluar mencari rezeki. Dewan ini juga sedia maklum bahawa prestasi kerja dan kedamaian keluarga juga berlaku akibat suasana rumah tangga yang harmoni. Sekiranya keadaan hiruk pikuk di rumah dengan keadaan persekitaran di dalam rumah yang lintang pukang; anak-anak yang terbiar; makanan yang tidak terurus, sudah tentu hasil kerja dan produktiviti seseorang itu akan terganggu. Maka, Dewan ini, disaran supaya Kementerian Sumber Manusia (KSM) membuka ruang kepada pengusaha-pengusaha latihan untuk memberikan perkhidmatan dan latihan kepada anak-anak muda tempatan untuk berkhidmat sebagai amah secara sistematik. Jika perlu, satu kurikulum berkaitan yang dikenali Aloss perlu digubal dan disebar-luas kepada pengusaha yang berminat. Satu tempoh masa perlu diberi perhatian oleh Kerajaan bagi memastikan anak-anak kita dijaga oleh pekerja tempatan yang lebih memahami budaya dan cara hidup serta agama yang dianuti di Malaysia. Selain itu, di masa sama, ianya menjimatkan Kerajaan dari segi pengaliran wang keluar negara yang berjumlah lebih RM5 bilion setahun. Ianya juga untuk mengurangkan masalah gejala sosial dan salah laku yang berlaku ke atas keluarga dan amah yang bekerja di negara kita. "

(Menteri Sumber Manusia)

27. PN-1251-U13943

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini, Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Ahli Parlimen Permatang Pauh banyak melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan dasar luar Malaysia. Antara yang begitu ketara apabila beliau secara terang-terangan tanpa segan silu menyokong supaya semua negara memelihara keselamatan/keamanan Israel. Sedangkan beliau tahu Israel adalah negara haram. Israel adalah negara "atas angin" sahaja tanpa berpaksi kesahihan undang-undang antarabangsa. Namun, Anwar telah menegaskan dalam The Wall Street Journal bahawa negara itu perlu diperlihara. Ini bermakna Anwar telah menggadai prinsip demokrasi, mengguris perasaan orang-orang Islam bahawa negara yang sah iaitu Palestin; merobek persefahaman negara-negara Islam yang lain terhadap Malaysia kerana Anwar dikenali atas perjuangannya dulu di dalam ABIM (yang akhir-akhir ini jauh terpesong) dan semangat musyawarah di kalangan negara-negara Islam yang menyokong Palestin. Justeru, Dewan ini didesak untuk mengambil satu tindakan terhadap kes-kes seperti yang dilontar oleh Anwar dengan mengadakan peraturan ke atas sesuatu komen atau pandangan bersandarkan sensitiviti negara-negara yang mahu diberi komen dengan mengambil kira fahaman agama dan geopolitik setempat. Maka Kerajaan diminta menyediakan garis panduan atau peraturan ke atas kebebasan mengeluarkan pendapat tanpa menidakkan fakta dan dasar luar negara Malaysia. Ini penting bagi memastikan kedaulatan negara kita tidak tercemar oleh sepatah perkataan yang sengaja dihemburkan demi untuk suatu bentuk simpati politik peribadi yang akhirnya merosakkan imej Malaysia di mata dunia."

(Menteri Luar Negeri)

28. PN-1251-U14222

Dr. S. Ramakrishnan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak kerajaan mengubal Undang-undang Kebebasan Maklumat bagi membolehkan rakyat Malaysia menikmati hak untuk mendapatkan maklumat selaras dengan kehendak prinsip-prinsip demokrasi. Hak rakyat untuk mendapatkan maklumat adalah penting bagi membolehkan rakyat untuk memeriksa dan membendung penyalahgunaan kuasa oleh kakitangan Kerajaan dalam hal-hal pentadbiran Kerajaan terutamanya keputusan-keputusan Kerajaan yang mempunyai implikasi secara langsung dan tidak langsung terhadap rakyat jelata. Oleh itu saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkan usul pengubalan undang-undang bagi tujuan membolehkan rakyat Malaysia untuk mengambil bahagian dalam pentadbiran dan hal-hal Kerajaan terutamanya dalam proses membuat keputusan-keputusan sejajar dengan prinsip demokrasi (participatory democracy) dan kepentingan awam (public interest). Rakyat Malaysia mengalu-alu satu Kerajaan yang telus dan bertanggung jawab maka pengubalan undang-undang ini adalah mustahak. Undang-undang ini akan membenarkan akses kepada dokumen-dokumen sesebuah agensi Kerajaan dan dokumen-dokumen rasmi Kementerian Kerajaan.

Maka disarankan supaya Kerajaan mengambil serius pengubalan undang-undang ini dan mengambil segala langkah-langkah untuk merealisasikan undang-undang ini di Malaysia yang mana undang-undang begini telahpun diperkenalkan di negara-negara KOMANWEL yang lain. "

(Menteri di Jabatan Perdana Menteri)

29. PN-1251-U14225

Dr. S. Ramakrishnan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap penyalahgunaan minuman alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita, terutama di kalangan remaja bermula dari usia 16 tahun amat membimbangkan dan ia akan membawa padah kepada masa depan negara kita jika kita tidak mengambil tindakan yang sewajarnya secepat mungkin. Oleh itu, saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkan usul pengubalan undang-undang untuk menangani penyalahgunaan alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita dengan mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) Mengubah dan meningkatkan umur seseorang untuk membeli minuman keras dan alkohol secara sah dari segi undang-undang dari 18 tahun ke 21 tahun. Hukuman berat dan denda yang maksimum juga harus dikenakan terhadap sesiapa sahaja yang di bawah umur 21 tahun jika mereka didapati membeli minuman alkohol dan minuman keras.
- (ii) Memperkenalkan sistem lesen baru yang mengawal waktu penjualan alkohol dan minuman keras. Contohnya seperti mengehadkan waktu penjualan dari 11.00 pagi sehingga pukul 9.00 malam.
- (iii) Mempunyai undang-undang untuk menangani masalah-masalah pengambilan minuman-minuman keras dan alkohol di tempat awam dan menjadikan pengambilan minuman ini di tempat awam sebagai satu jenayah di mana boleh ditangkap dan didakwa di bawah kanun undang-undang.
- (iv) Memperketatkan lagi kanun undang-undang yang mengawal penjualan alkohol dan minuman keras oleh peniaga-peniaga kepada remaja dan juga pelajar-pelajar di bawah umur. Contohnya, apabila mana-mana peniaga menjual alkohol dan minuman keras kepada pelajar-pelajar dan remaja di bawah umur, lesen kedai peniaga itu haruslah ditarik dan dibatalkan dan mengenakan denda yang maksimum terhadap peniaga tersebut.
- (v) Memperkenalkan undang-undang baru untuk pendaftaran dan mengawal penjualan minuman-minuman keras buatan tempatan. Contohnya seperti samsu dan ia mendapat sambutan baik di kalangan masyarakat berpendapatan rendah, terutamanya di kalangan masyarakat India yang tinggal di estate, kerana harga minuman ini adalah sangat murah dan mudah didapati di kawasan pedalaman secara haram.

- (vi) Menubuhkan satu pusat pencegahan, penyelidikan, dan pemulihan alkohol Malaysia seperti di Amerika Syarikat dan Australia untuk mengadakan penyelidikan dari semasa ke semasa."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2011</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.114	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Sukan Negara Bagi Tahun 2010.	23 April 2012
<u>TAHUN 2012</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.4	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia Bagi Tahun 2010.	23 April 2012
ST.11	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaya Bagi Tahun 2010	23 April 2012
ST.19	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional Bagi Tahun 2010.	23 April 2012
CMD.1	Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 2011	23 April 2012
CMD.1A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, Tahun 2011 Bagi Kerajaan Malaysia.	23 April 2012
CMD.2	Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2011	23 April 2012
CMD.2A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, Tahun 2011 Bagi Kerajaan Malaysia.	23 April 2012
CMD.3	Penyata Keluaran Wang Daripada Kumpulan Wang Luar Jangka Bagi Tempoh Dari 1 Januari 2011 Hingga 31 Disember 2011 Menurut Peraturan 68 Di Bawah Peraturan – Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.	23 April 2012

TAHUN
2012**RISALAT/DOKUMEN****TARIKH**
DIBENTANGKAN

ST.5 Penyata Keluaran Wang Daripada Simpanan
Luar Jangka Bagi Tempoh Dari 1 Januari
Hingga 31 Disember 2011 Menurut
Peraturan Seksyen 6(3) Akta Kumpulan
Wang Pembangunan 1966.

23 April 2012